

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT, 'LOCAL AGENDA 21'
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL. 2/2020

Tarikh : 19 Oktober 2020 (Isnin)

Masa : 9.30 pagi – 11.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor

KEHADIRAN

1. Dato' Haji Abd Hamid bin Hussain - Pengerusi
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
2. Tuan Zulnaidy bin Zulkifli,
Setiausaha/Timbangan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
3. Encik Lwi Kian Keong
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon KLIA
4. Encik Gun Chee Hui,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Kota Warisan
5. Dr Teo Lian Seng
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon BBST Selatan
6. Encik Lee Kang Ming (Kenneth),
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Timah Langat
7. Encik Mohd Shafinye Bin Mohd Nasoha
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Arked
8. Encik Mohd Syamsol bin Md Shariff,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
9. Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Labu
10. Encik Mohd Syahrul Amri bin Mat Sari,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Jenderam

11. Datuk Dr. Haji Zani bin Haji Pominan,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Pinggiran Putra
12. Puan Siti Nooraishah binti Yahaya
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
13. Puan Noryati Kasim,
Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang
14. Encik Syariman bin Jahari,
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
15. Encik Mohd Rashdan bin Abd Rashid,
Presiden, Persatuan Lestari Alam Malaysia.
16. Encik Mohd Azwan bin Mohd Muslim,
AM Maintenance & Support, VADS Lyfe Sdn Bhd
(Subsidiary of Telekom Malaysia Berhad / TM)

TURUT HADIR

17. Puan Rosziana binti Basin,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat,
Majlis Perbandaran Sepang
18. Encik Sulaiman bin Abi Hashim,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan,
Majlis Perbandaran Sepang
19. Encik Mohd Azran bin Musa
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa,
Majlis Perbandaran Sepang
20. Puan Zelda binti Zamri,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat,
Majlis Perbandaran Sepang
21. Encik Kuzaini bin Hamidon
Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
Majlis Perbandaran Sepang
22. Cik Arefah binti Rahim,
Pengarah, Jabatan Landskap,
Majlis Perbandaran Sepang
23. Encik Noor Halif Bin Noorzan
Pengarah, Jabatan Perlesenan Dan Pengurusan Penjaja,
Majlis Perbandaran Sepang
24. Encik Mohamad Shahidan Bin Haji Hashim
Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan,
Majlis Perbandaran Sepang
25. Encik Muhamad Azim bin Muhamad Wadzir,
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan,
Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

26. Encik Mohd Adham bin Haji Mahmood,
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
27. Encik Muhammad Syahir Bin Muhammad Syaref
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
28. Puan Norlizawati binti Samsudin,
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
29. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Ketua Polis Daerah Sepang / IPD Sepang
2. PlanMalaysia@Selangor / Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
3. Ketua Pegawai Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sepang
4. Unit Korporat Dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sepang

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN Pengerusi

YBhg Dato' Haji Abd Hamid bin Hussain, Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku Pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang di jemput hadir.

Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa daerah Sepang kini sedang berada di zon kuning dan berharap semua pihak mengambil langkah sewajarnya bagi menangani wabak Covid-19. Dato' Pengerusi juga sedang memikirkan samada untuk meneruskan mesyuarat secara fizikal atau secara online untuk masa akan datang. Peningkatan kes Covid-19 pada masa ini merupakan yang tertinggi di Malaysia dan beberapa kawasan di Daerah Sepang telah pun dikenalpasti mempunyai kes Covid-19 iaitu di Bandar Baru Salak Tinggi, Kota Warisan, Dengkil. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa beberapa agensi yang dijemput seperti pihak Polis (IPD Sepang) kerana kesibukan urusan SJR (Sekatan Jalan Raya) dan AADK juga tidak menghadirkan diri kerana terdapat kes Covid 19 dikalangan kakitangan mereka, justeru itu langkah kuarantin diambil serta tidak dapat menghadiri mesyuarat. Justeru itu, Dato' Pengerusi berharap supaya tindakan-tindakan sewajarnya dapat di ambil bagi mengekang kes wabak Covid-19 ini dan peranan semua pihak mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak KKM.

Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa salah satu perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa ini adalah **Bandar Selamat** iaitu merupakan salah satu program yang telah dirangka oleh pihak Kementerian dengan kerjasama PBT bagi memastikan kawasan yang didiami berada dalam keadaan selamat. Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa terdapat **15 langkah Program Bandar Selamat** yang perlu dilaksanakan di bawah Program Bandar Selamat ini. Di antara inisiatif atau langkah Bandar Selamat ini seperti pemasangan CCTV, pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor bagi pencegahan kes jenayah ragut, bebas halangan dan lain-lain lagi.

Manakala, **Local Agenda 21** (Agenda 21) pula program yang telah dikerangkakan oleh United Nations Organisation (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) bagi mengadakan **aktiviti setempat mengikut keperluan Komuniti / penduduk setempat secara bersama sektor swasta dan agensi kerajaan khususnya berkaitan aktiviti alam sekitar mampan, ekonomi mampan dan sosial mampan**. Sebagai contohnya, pihak swasta mengeluarkan kos dan aktiviti dilaksanakan oleh masyarakat setempat, manakala pihak PBT atau agensi kerajaan akan bertindak sebagai badan penyelarass.

Manakala **Pembangunan Mampan** merupakan aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan **SDG (Sustainable Development Goals)** yang mana mempunyai **17 Matlamat pembangunan mampan**. Diantara aktiviti yang berkaitan dengan SDG ini adalah seperti aktiviti Bandar Rendah Karbon dan memastikan karbon di dalam kawasan perbandaran dapat dikurangkan dan seterusnya pembangunan yang berdayahuni.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.1/2020

Dato' Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Lwi Kiang Keong, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang yang telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, MPSepang Bil.1/2020 pada 11 Mac 2020.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.1/2020 disahkan dan di sokong tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 PEMANTAUAN BAS SMART SELANGOR MPSEPANG (BAS PERCUMA) MELALUI APLIKASI SISTEM SELANGOR INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM (SITS)

Pihak Jabatan dimaklumkan bahawa pihak SSDU dalam usaha menaiktaraf sistem SITS (Selangor Intelligent Transport System) dengan menambah modul 'Journey Planner'. Manakala pelaksanaan tag & ride pula dalam proses Trial Run penggunaan QR Code melibatkan MBSA dan Kad Touch Ngo melibatkan MPKj. Penggunaan QR Code / Kad untuk warga asing dijangkakan akan dilancarkan pada Disember 2020.

Justeru itu, cadangan untuk membangunkan satu MBCC adalah dalam Tindakan Jabatan dan akan diselaraskan dengan SSDU bagi memasti Aplikasi Sistem SITS dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Dato' Pengerusi juga memaklumkan bahawa terdapat setengah PBT termasuk MPSepang telah diarahkan untuk menanggung sebahagian kos operasi bas percuma (Bas Smart Selangor) yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Pihak PBT juga telah dipohon meninjau semula laluan yang didapati 'Ridership' (jumlah penumpang) yang rendah supaya di kaji semula.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa jadual Bas Smart Selangor MPSepang (Bas Percuma) ini juga telah dipaparkan di laman web MPSepang dan juga Media Sosial (Facebook Bas Smart Selangor MPSepang dan Facebook MPSepang).

TINDAKAN Unit Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang SSDU, MBI Selangor



BAS PERCUMA *Visit Sepang 2020*
BAS SMART SELANGOR
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

JADUAL BAS
smart.mpselang.gov.my

SCAN ME

INISIATIF

LIKE & SHARE

BAS SMART SELANGOR MPSEPANG

APLIKASI
SELANGOR INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM

MUAT TURUN SEKARANG!

SCAN ME

CIRI-CIRI APLIKASI

- Senarai Laluan Bas
- Jangkaan Ketibaan Bas
- Lokasi Hentian Bas

SPG 1
TANJUNG SEPAT - PEKAN SUNGAI PELEK - PEKAN SEPANG - KLIA 2

SPG 2
TAMAN SEROJA BBST - KIPMALL KOTA WARISAN - ERL SALAK TINGGI - KOMPLEKS TABUNG HAJI - KLIA 2

OPERATOR SPG 1 - SPG 2 **rapidbus**



LALUAN BAS SPG 1 & SPG 2 : BAS STANDARD
MUATAN PENUMPANG : 40 - 60 ORANG PENUMPANG

SPG 3
PEKAN SALAK - SEROJA BBST - PEKAN DENGKIL - TERMINAL CYBERJAYA

SPG 4
SEROJA BBST - SUNGAI MERAB - HOSPITAL SERDANG - TERMINAL IOI CITY MALL

OPERATOR SPG 3 - SPG 4 **SKS BUS**



LALUAN BAS SPG 3 & SPG 4 : BAS 'COASTER'
MUATAN PENUMPANG : 20 - 30 ORANG

JADUAL BAS PERCUMA (BAS SMART SELANGOR) DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

SPG 1
TANJUNG SEPAT - PEKAN SUNGAI PELEK - PEKAN SEPANG - KLIA 2

BAS	(HUB) KAWASAN TANJUNG SEPAT	(HUB) PEKAN SUNGAI PELEK (Kawasan Komersial)	(HUB) PEKAN SEPANG (Stesen Bas)	(HUB) KLIA 2 (Terminal Bersejarah)	(HUB) KLIA 2 (Terminal Bersejarah)
1	00:00 a.m.	0:20 a.m.	06:30 a.m.	06:45 a.m.	07:15 a.m.
2	06:40 a.m.	07:00 a.m.	07:20 a.m.	07:40 a.m.	08:10 a.m.
3	07:30 a.m.	07:40 a.m.	08:00 a.m.	08:15 a.m.	08:30 a.m.
4	08:05 a.m.	08:20 a.m.	08:40 a.m.	08:55 a.m.	09:20 a.m.
1	09:35 a.m.	09:50 a.m.	10:00 a.m.	10:15 a.m.	10:40 a.m.
2	10:30 a.m.	10:50 a.m.	11:00 a.m.	11:15 a.m.	11:40 a.m.
3	11:30 a.m.	11:50 a.m.	12:00 p.m.	12:15 p.m.	12:40 p.m.
4	12:30 a.m.	12:50 p.m.	01:00 p.m.	01:15 p.m.	01:40 p.m.
1	01:30 p.m.	01:50 p.m.	02:00 p.m.	02:15 p.m.	02:40 p.m.
2	02:30 p.m.	02:50 p.m.	03:00 p.m.	03:15 p.m.	03:40 p.m.
3	03:30 p.m.	03:50 p.m.	04:00 p.m.	04:15 p.m.	04:40 p.m.
4	04:30 p.m.	04:50 p.m.	05:00 p.m.	05:15 p.m.	05:40 p.m.
1	05:40 p.m.	06:05 p.m.	06:15 p.m.	06:30 p.m.	07:00 p.m.
2	07:30 p.m.	07:55 p.m.	08:00 p.m.	08:05 p.m.	08:35 p.m.
3	07:40 p.m.	08:45 p.m.	08:15 p.m.	08:30 p.m.	08:50 p.m.
4	08:30 p.m.	08:50 p.m.	09:00 p.m.	09:15 p.m.	09:35 p.m.

SPG 2
TAMAN SEROJA BBST - KIPMALL KOTA WARISAN - ERL SALAK TINGGI - KOMPLEKS TABUNG HAJI - KLIA 2

BAS	(HUB) SEROJA BBST	(HUB) KOTA WARISAN	(HUB) SALAK TINGGI	(HUB) TABUNG HAJI	(HUB) KLIA 2
1	06:30 a.m.	06:30 a.m.	06:40 a.m.	07:00 a.m.	07:30 a.m.
2	06:40 a.m.	07:10 a.m.	07:20 a.m.	07:40 a.m.	08:10 a.m.
3	06:50 a.m.	07:20 a.m.	07:30 a.m.	07:50 a.m.	08:20 a.m.
4	07:00 a.m.	07:30 a.m.	07:40 a.m.	08:00 a.m.	08:30 a.m.
1	07:10 a.m.	07:40 a.m.	07:50 a.m.	08:10 a.m.	08:40 a.m.
2	07:20 a.m.	07:50 a.m.	08:00 a.m.	08:20 a.m.	08:50 a.m.
3	07:30 a.m.	08:00 a.m.	08:10 a.m.	08:30 a.m.	09:00 a.m.
4	07:40 a.m.	08:10 a.m.	08:20 a.m.	08:40 a.m.	09:10 a.m.

SPG 3
PEKAN SALAK - SEROJA BBST - PEKAN DENGKIL - TERMINAL CYBERJAYA

BAS	(HUB) PEKAN SALAK	(HUB) SEROJA BBST	(HUB) PEKAN DENGKIL	(HUB) TERMINAL CYBERJAYA
1	06:30 a.m.	06:30 a.m.	07:10 a.m.	08:10 a.m.
2	06:40 a.m.	07:00 a.m.	07:40 a.m.	08:40 a.m.
3	06:50 a.m.	07:10 a.m.	07:50 a.m.	08:50 a.m.
4	07:00 a.m.	07:20 a.m.	08:00 a.m.	09:00 a.m.
1	07:10 a.m.	07:30 a.m.	08:10 a.m.	09:10 a.m.
2	07:20 a.m.	07:40 a.m.	08:20 a.m.	09:20 a.m.
3	07:30 a.m.	07:50 a.m.	08:30 a.m.	09:30 a.m.
4	07:40 a.m.	08:00 a.m.	08:40 a.m.	09:40 a.m.

SPG 4
SEROJA BBST - SUNGAI MERAB - HOSPITAL SERDANG - TERMINAL IOI CITY MALL

BAS	(HUB) TAMAN SEROJA BBST	(HUB) SUNGAI MERAB	(HUB) HOSPITAL SERDANG	(HUB) TERMINAL IOI CITY MALL
1	06:30 a.m.	06:30 a.m.	06:40 a.m.	07:00 a.m.
2	06:40 a.m.	07:20 a.m.	07:40 a.m.	08:00 a.m.
3	06:50 a.m.	07:30 a.m.	07:50 a.m.	08:10 a.m.
4	07:00 a.m.	07:40 a.m.	08:00 a.m.	08:20 a.m.
1	07:10 a.m.	07:50 a.m.	08:10 a.m.	08:30 a.m.
2	07:20 a.m.	08:00 a.m.	08:20 a.m.	08:40 a.m.
3	07:30 a.m.	08:10 a.m.	08:30 a.m.	08:50 a.m.
4	07:40 a.m.	08:20 a.m.	08:40 a.m.	09:00 a.m.

Nota:

BAS SPG 1 dan SPG 2

- Waktu Pelepasan (Departure) daripada Hub yang ditetapkan oleh Operator (Rapid Bus Sdn Bhd)
- Anggaran Masa Ketibaan / Pelepasan
- Waktu Puncak: 06:00 a.m. - 10:00 a.m dan 04:00 p.m. - 07:00 p.m
- Jumlah Bas yang beroperasi di Laluan SPG 1: Empat (4) Bas
- Jumlah Bas yang beroperasi di Laluan SPG 2: Dua (2) Bas
- Jenis Bas : Bas Standard dengan Kapasiti Penumpang 40 - 60 Orang dalam satu-satu masa
- Frekuensi setiap laluan : 1 Jam ATAU 2 Jam bergantung kepada Trafik Waktu Puncak.
- Bagi laluan ketepatan masa, sila guna SITS Mobile App.
- Pihak pengguna bas percuma di minta supaya menjaga barang penumpang masing-masing.
- Pihak MPSepang dan Operator Bas tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecurian.

BAS SPG 3 dan SPG 4

- Waktu Pelepasan (Departure) daripada Hub yang ditetapkan oleh Operator (SKS Coachbuilders Sdn Bhd)
- Waktu Puncak : 06:00 a.m. - 10:00 a.m dan 04:00 p.m. - 07:00 p.m
- Jumlah Bas yang beroperasi di Laluan SPG 3: Dua (2) Bas
- Jumlah Bas yang beroperasi di Laluan SPG 4 : Dua (2) Bas
- Jenis Bas : Bas Coaster dengan Kapasiti Penumpang 20 - 30 Orang dalam satu-satu masa
- Frekuensi setiap laluan : 1 Jam ATAU 2 Jam bergantung kepada Trafik Waktu Puncak.
- Bagi laluan ketepatan masa, sila guna SITS Mobile App.

Sebarang pertanyaan boleh juga dibuat melalui FB Messenger di FB Bas Smart Selangor MPSepang dan Akaun booth @bermaksud melalui email : transport.mpselang@gmail.com | transport@mpsepang.gov.my, sila nyatakan nama penuh, nombor telefon untuk dihubungi, nombor bas, waktu kejadian, serta gambar (jika ada) dan huraian aduan.

3.2 URBAN FARMING AND COMMUNITY GARDEN @CYBERJAYA (PROMOSI)

Projek “Urban Farming and Community Garden in Cyberjaya” (Promosi) khususnya pemasangan system Aquaponics di MPSepang telah siap sepenuhnya. Penyelenggaraan projek ini juga akan dijalankan oleh Jabatan Landskap, MPSepang dengan pemantauan bersama Unit Smart City & Teknologi Hijau, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang.

Bagi tujuan promosi, satu (1) video telah dihasilkan dan akan dipromosikan kepada syarikat-syarikat MultiNasional Company (MNC) berjumlah hampir 400 syarikat di Cyberjaya dengan mengambil contoh pilot projek yang telah dilaksanakan di MPSepang. Video ini boleh ditonton di web berikut : <http://smart.mpsepang.gov.my>.

Promosi ini akan diteruskan melalui satu (1) sesi taklimat khas yang dicadangkan semasa sesi Townhall Bandar Pintar dan Rendah Karbon @Cyberjaya pada tahun 2021.

Dato' Pengerusi memohon supaya promosi system Aquaponic ini digerakkan dan dikembangkan penggunaan kepada Komuniti setempat. Melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau, pembekalan dua (2) system ini akan dipasang di Desa Pinggiran Putra, Dengkil dan Pangsapuri Baiduri Court, Bandar Bukit Puchong.

TINDAKAN

Unit Smart City, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Local Agenda 21, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Landskap, MPSepang
UrbanFarm Tech Sdn Bhd
SEDA Malaysia



3.3 CADANGAN PELAKSANAAN 'SMART STREET LIGHTING' DI BAWAH PROJEK EPC (ENERGY PERFORMANCE CONTRACT) BAGI PEMASANGAN LAMPU LED (LIGHT EMITTING DIODE) DI CYBERJAYA DI BAWAH INISIATIF 'SMART & LOW CARBON CITY', MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Signifikan 'Smart Street Lighting'

Jabatan Kejuruteraan, MPSepang telah melaksanakan 'Smart Street Lighting' dan pilot projek ini adalah di Persiaran Semarak Api, Cyberjaya yang dilengkapi dengan sistem IoT dimana ia berupaya untuk memantau penggunaan bil elektrik dan juga dapat 'tracking' sekiranya terdapat kerosakan lampu.

Jumlah Pemasangan Lampu LED

Sebanyak 127 unit telah dipasang sebagai 'Pilot' projek di Persiaran Semarak Api, Cyberjaya dan 45 unit di Persiaran Ceria, Cyberjaya. Pemasangan seterusnya adalah di Persiaran Multimedia yang akan diintegrasikan dengan system 'Smart Traffic Light'. Signifikan 'Smart Street Lighting' ini akan mengurangkan bil elektrik dan secara tidak langsung dapat menjimat perbelanjaan MPSepang.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa jumlah lampu yang diselenggarakan oleh pihak MPSepang dianggarkan berjumlah 10,000 unit dan yang telah dipasang lampu Led seluruh Daerah Sepang adalah berjumlah 3,800 unit.

Pangkalan Data 'Street Smart Lighting'

Dr Teo Lian Seng (Ahli Majlis) memohon penjelasan berhubung data-data daripada system ini samada mempunyai data Centre atau bilik kawalan khas. Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa data-data daripada 'Smart Street Lighting' ini dikawal menggunakan laman web khas yang berfungsi sebagai sistem serta mempunyai 'Dashboard' bagi tujuan pemantauan lampu-lampu tersebut. Penggunaan 'Smart Traffic Light' ini juga hanya dilaksanakan di Cyberjaya sahaja pada masa ini.

Melebarluas penggunaan Lampu LED di jalan-jalan selenggaraan JKR

Encik Gun Chee Hui (Ahli Majlis) memohon pencerahan samada 'Smart Street Lighting' ini akan dipasang juga di jalan-jalan JKR. Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Jabatan pada masa ini hanya menjalankan pemasangan di Cyberjaya sahaja terlebih dahulu selaras dengan inisiatif Low Carbon City Cyberjaya. Manakala jalan-jalan yang melibatkan JKR perlu dirujuk pada pihak JKR kerana jalan-jalan di bawah JKR akan diselenggara oleh pihak JKR.

Pihak JKR Sepang memaklumkan bahawa teknologi 'Smart Street Lighting' atau lampu 'Led' ini akan dipanjangkan pada pihak Pengurusan JKR. Dato' Pengerusi mencadangkan supaya pihak JKR Sepang dapat mempertimbangkan penukaran lampu LED walaupun tidak mempunyai teknologi 'Smart'.

Pelaburan / ROI (Return of Investment) 'Smart Street Lighting'

Encik Lee Kang Ming / Kenneth (Ahli Majlis) memohon pencerahan berhubung pelaburan atau penukaran lampu led dan pelaksanaan 'Smart Street Lighting', berapa banyakkah penjimatan yang diperolehi oleh MPSepang atau tempoh ROI (Return of Investment). Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa ROI bagi projek 'Street Smart Lighting' ini adalah selama 15 tahun.

Kajian 'Benchmarking' Terhadap 'Smart Street Lighting'

Datuk Dr Zani (Ahli Majlis) memohon pencerahan samada pihak MPSepang ada membuat rujukan atau kajian 'Benchmarking' sebelum projek 'Smart Street Lighting' ini dilaksanakan memandangkan ROI bagi projek ini mengambil masa selama 15 tahun. Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa sebelum melaksanakan EPC bagi projek ini, pihak MPSepang telah membuat kajian 'Benchmarking' dan juga telah membuat lawatan ke MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) bagi meninjau kejayaan pelaksanaan 'Smart Street Lighting'.

TINDAKAN

Unit Smart City, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
JKR Daerah Sepang

3.4 CADANGAN PENILAIAN BANDAR RENDAH KARBON UNTUK KESELURUHAN ZON / BANDAR CYBERJAYA SECARA 'CITY BASED APPROACH' UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2020

Penyertaan LCCF pada tahun 2020 dikekalkan untuk Zon Cyber 1, manakala penyertaan bagi keseluruhan Zon Cyberjaya ditangguhkan ke tahun 2021 akibat penularan wabak COVID-19 yang memberi kesan terhadap kerja-kerja penyelarasan di antara Stakeholders.

Penyertaan LCCF bagi zon Cyber 1 tahun 2020 berdasarkan penilaian empat (4) elemen LCCF bagi tahun 2016-2019. Proses pengauditan oleh pihak Greentech Malaysia yang dijadual pada 16 Oktober 2020 ditangguh pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Dato' Pengerusi memohon data-data yang diperolehi dikira menggunakan Sistem LCCF Track yang telah dibangunkan oleh pihak Greentech Malaysia.

TINDAKAN

Pasukan Kerja 'Smart & Low Carbon City' (SLCCF)
Greentech Malaysia

3.5 STATUS PEMANTAUAN, PENYELENGGARAAN DAN OPERASI 32 UNIT CCTV DI BAWAH PROJEK MERS999 / BANDAR PINTAR CYBERJAYA DAN 50 UNIT CCTV DI BAWAH PROJEK SELANGOR STATE CCTV UNTUK DAERAH SEPANG

Pihak Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk menaiktaraf CCTV atau dengan kata lain menukar semua 50 CCTV dengan teknologi terkini (Refreshment Technologies) di bawah projek Selangor CCTV di semua PBT di Selangor termasuk MPSepang yang akan bermula pada Oktober 2020 sehingga Mac 2021.

Satu pembentangan khas oleh pihak Syarikat VADS Lyfe Sdn Bhd berhubung kerja-kerja menaiktaraf teknologi CCTV tersebut akan dibentangkan.

TINDAKAN

VadsLife Sdn Bhd
Unit Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat (ICT), MPSepang
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang
IPD Sepang / Balai Polis Cyberjaya
Cyberview Sdn Bhd

3.6 CADANGAN POLISI PENGURUSAN TENAGA DAN PEMBENTUKAN 'SMART ENERGY COMMITTEE' (SEC MPSEPANG) BAGI PELAKSANAAN PROGRAM KECEKAPAN TENAGA (ELEKTRIK & AIR) UNTUK BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG DENGAN KERJASAMA 'SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY MALAYSIA' (SEDA MALAYSIA)

i. Penyertaan bagi penilaian 'Sustainable Energy Low Carbon Building Assessment Greenpass Operation'

Penyertaan bagi bangunan Ibu Pejabat MPSepang diteruskan bagi tahun 2020. Dokumen-dokumen, data-data dan justifikasi penggunaan tenaga telah dikemukakan kepada pihak SEDA Malaysia bagi tujuan penilaian lanjut.

ii. Cadangan Pemasangan Solar Panel Di Bumbung Bangunan Ibu Pejabat MPSepang

Mesyuarat dimaklumkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan bahawa pihak Jabatan telah menerima beberapa permohonan / cadangan bagi pemasangan 'Solar Panel' tersebut. Permohonan diterima daripada GS Park, namun demikian pihak jabatan perlu menganalisa terlebih dahulu supaya dapat membuat perbandingan cadangan-cadangan daripada pihak syarikat lain yang dikemukakan samada memenuhi kriteria yang ditetapkan. Kerja-kerja pemasangan hanya akan dibuat setelah kerja pembaikan bumbung selesai. Dato' Pengerusi membuat ketetapan supaya pihak Jabatan Kawalan Bangunan membuat penelitian sewajarnya supaya keputusan terbaik dapat dibuat.

iii. Cadangan Bengkel GHG Inventori dan Pengurusan Tenaga

Cadangan ini akan diadakan kepada pengurusan tertinggi dan kakitangan MPSepang akan diadakan dengan kerjasama pihak SEDA Malaysia selepas PKPB.

TINDAKAN

Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Smart Energy Committee MPSepang

3.7 CADANGAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MAMPAN @SEPANG (GPPMS) DI PERINGKAT PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG, PELAN KERJA TANAH, PELAN BANGUNAN DAN PELAN LANDSKAP, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Pihak MPSepang telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak TM bagi membangunkan satu (1) business model bandar Pintar dengan mengambil Bandar Cyber South sebagai Pilot Projek.

Satu Workshop sepatutnya diadakan pada 22 Oktober 2020 yang akan dianjurkan oleh TM terpaksa ditangguhkan susulan Pandemik Covid-19. Dijangkakan akan dilaksanakan pada bulan November 2020.

Di antara penekanan yang diberikan dalam pembangunan Bandar Pintar adalah memantapkan sistem telekomunikasi bandar serta penguatkuasaan melibatkan kolaborasi antara PBT dan syarikat pembekal (Services Provider) dan lain-lain aspek.

TINDAKAN

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan Teknikal, MPSepang
Semua Agensi Teknikal luaran
Semua Ahli Majlis

3.8 CADANGAN MENINGKATKAN TAHAP KESEDARAN AWAM BERHUBUNG PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR (SMART CITY), KEMPEN CEKAP TENAGA & PEMBANGUNAN MAMPAN MELALUI HEBAHAN ANIMASI SECARA KOLABORASI ANTARA MAJLIS PERBANDARAN SEPANG DAN WAU ANIMATION SDN BHD.

Dato' Pengerusi menyarankan kepada jabatan untuk meneliti semula penghasilan animasi Kapten Sepang ini sama ada dapat meningkatkan pembangunan Smart City di Cyberjaya atau sebaliknya.

Mesyuarat bersetuju supaya cadangan ini tidak dilaksanakan susulan Pandemik Covid-19 dan cadangan untuk meningkat imej atau promosi bandar pintar (smart city) akan disusuli dengan aktiviti lain yang akan dikenal pasti kelak.

TINDAKAN

Unit Smart City, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Korporat & Perhubungan Awam, MPSepang
Wau Animation Sdn Bhd

3.9 CADANGAN PERTANDINGAN INOVASI KEBUN KOMUNITI@SEPANG, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Susulan Pandemik Covid-19, jabatan mencadangkan supaya aktiviti Kebun Komuniti di peringkat Komuniti dan sekolah ini di buat penilaian secara dokumentasi bergambar, disenarai pendek dan lawatan tapak terpilih.

Justeru itu, pihak Jabatan mencadangkan cadangan Pertandingan ini kepada Cadangan Anugerah Kebun Komuniti @Sepang bagi menggalakkan dan memberikan input pertanian kepada komuniti dan sekolah yang menyertai melalui rakan kolaborasi MPSepang iaitu Lestari Alam Malaysia yang berfungsi sebagai Mentor Mentee atau 'Training for Trainers' (T&T).

TINDAKAN

Unit Local Agenda 21, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Korporat & Perhubungan Awam, MPSepang
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang

3.10 CADANGAN PELUPUSAN KENDERAAN TERPAKAI KEPADA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) UNTUK KEGUNAAN PELATIH AADK

Pihak MPSepang tiada halangan terhadap permohonan oleh pihak AADK dan dicadangkan supaya pihak AADK mengemukakan permohonan kepada pihak MPSepang dan meninjau kenderaan yang diperlukan tersebut.

TINDAKAN

AADK Daerah Sepang
Jabatan Penguatkuasa, MPSepang
Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih / Kenderaan, MPSepang

4.0 PERKARA YANG DIBINCANGKAN

4.1 CADANGAN MENAIKTARAF TEKNOLOGI CCTV TERKINI BAGI PROJEK SELANGOR CCTV (REFRESHMENT TECHNOLOGY) TAHUN 2020 DI DAERAH SEPANG

Pembentangan disampaikan oleh Encik Mohd Azwan bin Mohd Muslim daripada VADS Lyfe Sdn Bhd iaitu syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi kerja-kerja menaiktaraf atau membuat penukaran CCTV kepada teknologi terkini di bawah projek Selangor CCTV di semua PBT termasuk MPSepang.

Cadangan menaiktaraf Kamera CCTV Analog kepada CCTV Digital

CCTV sediada di Daerah Sepang adalah sebanyak 50 unit yang telah digunakan sejak tahun 2012 (8 tahun). Kesemua 50 unit CCTV tersebut akan ditukar daripada teknologi analog kepada model IP definisi tinggi.

Cadangan “Technology Refreshment”

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelaksanaan ‘Technology Refreshment’ ke atas 50 unit Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) Negeri Selangor di kawasan Majlis Perbandaran Sepang termasuk semua ‘Command Centre’ (Pusat Kawalan) CCTV di MPSepang dan Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (IPD Sepang) akan dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan iaitu bermula pada 1 Oktober 2020 sehingga 31 Mac 2021 oleh syarikat VADS Lyfe Sdn Bhd (VLSB) di mana sistem CCTV sedia ada iaitu analog akan di naik taraf kepada sistem CCTV digital.

Isu CCTV yang mengalami kerosakan

Pihak Unit ICT memohon pencerahan berhubung Sistem CCTV sedia ada yang mengalami kerosakan khususnya semasa dalam proses penukaran CCTV analog kepada CCTV Digital samada akan ditukar atau sebaliknya. Mesyuarat dimaklumkan bahawa CCTV analog sudah tidak ada lagi di pasaran, manakala CCTV yang rosak tersebut akan digantikan dengan CCTV analog yang lama dan proses penukaran akan di buat secara berfasa.

Penggunaan Kamera yang ‘Analytical’

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemasangan CCTV Digital akan menggunakan kabel kerana lebih stabil dan kualiti lebih baik berbanding dengan penggunaan Wifi. CCTV Digital yang dibekalkan ini tidak mempunyai ‘analytic’ tetapi kamera CCTV yang disediakan mempunyai kesediaan dan kemampuan ‘analytic’.

Dr Teo Lian Seng (Ahli Majlis) mencadangkan supaya pihak Majlis menggunakan kamera CCTV yang boleh analitis dengan menaiktaraf ‘software’ supaya tindakan secara automatik dapat dilaksanakan dan perbelanjaan atau pelaburan terhadap CCTV ini lebih signifikan terhadap penguatkuasaan.

Keupayaan Kamera Digital ‘Analytical’

Mesyuarat dimaklumkan bahawa CCTV Digital yang dibekalkan ini mempunyai keupayaan seperti ‘Face Recognition’, ‘Traffic Count’ dan lain-lain lagi dengan syarat memerlukan penambahan perisian serta tambahan kos. Berdasarkan kontrak dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor, Pihak syarikat hanya diarahkan untuk memasang kamera digital sahaja. Sekiranya terdapatnya cadangan untuk menaiktaraf kepada kamera digital yang ‘analytical’ oleh pihak PBT, kos tersebut perlu dibiayai oleh pihak PBT tersebut.

'Analytic ready' yang dimaksudkan di sini, selain daripada resolusi atau kualiti gambar yang lebih baik, kamera tersebut mempunyai kesediaan untuk analytic sekiranya berlaku jenayah, kemalangan dan sebagainya. Ini bagi membolehkan pihak penguatkuasa khususnya pihak Polis untuk mengambil tindakan (Response Time) yang lebih pantas.

Mesyuarat secara dasarnya lebih kepada kamera yang analytical supaya tindakan yang akan diambil lebih berkesan dan efektif. Pertambahan kos bagi CCTV yang mempunyai 'Analytic Ready', 'Alert System' akan diperincikan oleh syarikat.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat secara dasarnya mengambil maklum berhubung Cadangan Pembaharuan Teknologi (Teknologi Refreshment) yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Selangor melalui syarikat yang dilantik iaitu VADS Lyfe Sdn Bhd.

Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa cadangan penukaran CCTV analog kepada CCTV digital masih mengekalkan 50 lokasi CCTV sediaada di Daerah Sepang.

Mesyuarat juga secara dasarnya bersetuju terhadap pelaburan untuk menaiktaraf kamera CCTV Digital yang mempunyai kesediaan 'Analytical' tertakluk kepada analisa perbandingan harga yang akan dikemukakan oleh pihak syarikat.

TINDAKAN

Unit Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat, MPSepang
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang
Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (IPD Sepang)
VADS Lyfe Sdn Bhd

4.2 CADANGAN ANUGERAH KEBUN KOMUNITI @SEPANG (AKS2020) DI BAWAH PROGRAM LOCAL AGENDA 21, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SECARA KOLABORASI ANTARA MAJLIS PERBANDARAN SEPANG DAN PERSATUAN LESTARI ALAM MALAYSIA.

Pembentangan kertas cadangan disampaikan oleh Encik Mohd Adham bin Hj Mahmood, Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Mampan dan Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang.

Manakala pembentangan berhubung profil serta aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan Lestari Alam Malaysia (NGO) sebagai rakan kolaborasi dibentang oleh Encik Mohd Rashdan bin Abd Rashid, Presiden Persatuan Lestari Alam Malaysia.

Susulan Pandemik Covid-19, jabatan mencadangkan supaya Anugerah Kebun Komuniti @Sepang (AKS2020) di peringkat Komuniti dan sekolah ini di buat penilaian secara **dokumentasi bergambar dan dikemukakan secara Online, di senarai pendek dan lawatan tapak terpilih secara Virtual atau tanpa bersemuka.**

Justeru itu, pihak Jabatan mencadangkan cadangan Pertandingan ini yang dicadangkan sebelum ini ditukarkan kepada Cadangan **Anugerah Kebun Komuniti @Sepang** bagi menggalakkan dan memberikan input pertanian kepada komuniti dan sekolah yang menyertai melalui rakan kolaborasi MPSepang iaitu Lestari Alam Malaysia yang berfungsi sebagai Mentor Mentee atau 'Training for Trainers' (T&T).

Elemen Teknologi Hijau / Low Carbon City

Pihak MPSepang juga telah menjenamakan kebun Kejiranan kepada Kebun Komuniti @Sepang yang mana mempunyai elemen-elemen inovasi alam sekitar dan teknologi hijau seperti penyediaan SPAH (Sistem Penuaian Air Hujan), Pengkomposan sisa makanan atau sisa kebun, Penggunaan 'Sprinkler' bagi siraman air secara automatik dan mengikut masa yang telah ditetapkan dan lain-lain lagi.

AKS2020 ini mempunyai tiga (3) Kategori Penyertaan iaitu :

- i. Komuniti yang terdiri daripada Persatuan Pendudukan / Komuniti / Badan Pengurusan Bersama (JMB)
- ii. Sekolah Rendah ;
- iii. Sekolah Menengah

MyOffice MyFarm

Manakala kategori penyertaan peringkat pejabat (Office) seperti cadangan MyOffice MyFarm pula akan diketengahkan pada tahun 2021 dengan penglibatan lebih banyak sektor swasta khususnya di Cyberjaya yang melibatkan hampir 400 syarikat MNC (Muti-Nasional Company) melalui aktiviti Urban Farming & Community Garden @Cyberjaya melalui konsep atau kaedah Aquaponic.

Kriteria Penilaian Dan Pemarkahan

- i. Keluasan kawasan kebun yang diusahakan
- ii. Struktur organisasi kebun yang terlibat
- iii. Aktiviti/Program yang dilaksanakan
- iv. Inovasi yang dilaksanakan seperti Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH), Kompos, Kitar Semula dan inovasi sistem tanaman.
- v. Tahap keberhasilan tanaman

Aspek Penilaian

- i. **Sosio Budaya**
Mewujudkan MOU Persefahaman bagi memastikan projek dapat dilestarikan
- ii. **Alam Sekitar**
Aktiviti Bina Upaya secara praktikal bagi memastikan komuniti memahami kaedah yang lestari dalam melaksanakan projek Kebun
- iii. **Ekonomi**
Komuniti di gerakkan secara holistik dengan kerjasama Rakan Kongsi Projek bagi memperolehi impak yang maksima dengan menerapkan asas Keusahawanan Sosial
- iv. **Urus Tadbir**
Setiap projek di pantau dari masa ke semasa bagi memastikan komuniti dapat menjayakan inisiatif

Panel Penilaian / Rakan Kolaborasi

- i. Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Sepang (Unit Mampan & Unit Teknologi Hijau)
- ii. Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang.
- iii. Persatuan Lestari Alam Malaysia. Pihak Lestari Alam Malaysia akan bertindak sebagai rakan kolaborasi dan membantu pihak MPSepang khususnya berkaitan dengan input pertanian, Mentor-Mentee / 'Training for Trainers' (T&T) kepada pihak komuniti dan juga pihak sekolah.

Implikasi Kewangan

Hadiah kategori Komuniti adalah dalam bentuk wang tunai dan bagi kategori sekolah iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah pula, hadiah akan diberikan dalam bentuk input pertanian

Kategori Komuniti

ANUGERAH	HADIAH (RM)
Pertama (1)	2,000.00
Kedua (2)	1,500.00
Ketiga (3)	1,000.00
Jumlah	4,500.00

Kategori Sekolah Menengah

ANUGERAH	HADIAH (RM)
Pertama (1)	1,000.00
Kedua (2)	800.00
Ketiga (3)	600.00
Jumlah	2,400.00

Kategori Sekolah Rendah

ANUGERAH	HADIAH (RM)
Pertama (1)	1,000.00
Kedua (2)	800.00
Ketiga (3)	600.00
Jumlah	2,400.00

KEPUTUSAN MESYUARAT

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa yang bersidang telah mempertimbangkan syor-syor seperti berikut :

- i. Bersetuju bagi cadangan **Anugerah Kebun Komuniti @Sepang (AKS 2020)** Anjuran Majlis Perbandaran Sepang secara kolaborasi dengan Persatuan Lestari Alam Malaysia ;
- ii. Bersetuju tarikh tutup penyertaan AKS2020 adalah pada **30 November 2020**
- iii. Bersetuju terhadap implikasi kewangan dengan kos Anugerah Kebun Komuniti @Sepang (AKS 2020) berjumlah RM9,300.00 ;
- iv. Bersetuju supaya **Persatuan Lestari Alam Malaysia sebagai rakan kolaborasi** / rakan strategik MPSepang khususnya dalam membantu memberikan input pertanian dan khidmat nasihat kepada pihak Komuniti dan sekolah serta mendapatkan penajaan daripada sektor swasta di Daerah Sepang ;
- v. Bersetuju menggunakan **peruntukan Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang** (Vot K56004 : Local Agenda 21 MPSepang)

TINDAKAN

Unit Local Agenda 21, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Persatuan Penduduk / Komuniti di Daerah Sepang
Pejabat Pendidikan Daerah Sepang
Persatuan Lestari Alam Malaysia

5.0 HAL-HAL LAIN

Tiada

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 11.30 pagi.